

PENERAPAN METODE DAKWAH DI DALAM MELAKSANAKAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DI DALAM DAN LUAR BILIK DARJAH

Nor Amin Sayani Zainal
Mohd Ismail Mustari

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Zainal, N. A. S. & Mustari, M. I. (2012). Penerapan Metode Dakwah Di Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Dalam Dan Luar Bilik Darjah in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor on 8-9 March 2012, pp. 51-69. ISBN: 99917-44-89-4.

ABSTRAK

Pendidikan merupakan satu perkara yang sangat penting dalam Islam. Jika pendidikan ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna, maka keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) akan menjadi tidak stabil. Ilmu dakwah merupakan salah satu indikator penting untuk mengukur tahap keterlibatan guru dalam menghayati Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Negara. Terdapat pelbagai pendekatan dan metode dalam melaksanakan proses dakwah yang boleh diimplementasikan oleh guru pendidikan Islam (GPI). Sehubungan itu, kertas kerja ini akan memperincikan tiga metode dakwah untuk diterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan juga merupakan salah satu dari metode dakwah untuk menyampaikan kefahaman tentang ajaran agama Islam. Jika semua guru pendidikan Islam mempunyai ilmu dan kefahaman cara menggunakan metode dakwah dengan betul, maka sudah pasti Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Negara dapat dicapai dengan baik. Kertas kerja ini akan mengemukakan beberapa pandangan tokoh sarjana Islam dan bagaimana pengaplikasian metode dakwah dalam pengajaran dan pembelajaran dengan lebih sistematik.

REFERENCES

- _____. 1995. *al-Quran & Tafsiirnya*. Yogyakarta. Universiti Islam Indonesia.
- 'Aidh Abdullah Al-Qarni. 2007. *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur. Jasmin Enterprise.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Aziz Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Mohd Zin. 2006. *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Abdul Kareem Zaidan. 1997. *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*. Shah Alam. Dewan Pustaka Fajar.
- Aep Kusnawan. 2004. *Ilmu Dakwah Kajian Berbagi Aspek*. Bandung. Pustaka Bani Quraisy.
- Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri. 2010. *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Akmariah Mamat Dan Sofiah Ismail. 2010. *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi Di Malaysia*. Bandung Indonesia. UPI & UPSI.

- Al-Bustani, Fuad Afram. 1956. *MunjidAl- Tullab*. Bairut. Dar Al-Masriq.
- Ali Abdul Halim Mahmud. 2002. *Jalan Dakwah Muslimah*. Solo, Indonesia. Era Intermedia.
- Azizee Hasan. 2011. *Untuk Sang Daie, Kaedah Berdakwah Di Jalan Allah*. Kuala Lumpur. Pustaka Salam SDN BHD.
- Azizi Yahaya Dan Syazwani Abdul Razak. t.Thn. *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dan Kaedah Pengajaran Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia*.
- Hj. Abdul Majid bin Omar. 2007. *Pengenalan Dakwah*. Selangor. Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Ibn Mandhur, Al-Allamah Abi Al-Fadl Jamal Al-Din Ibn Muhammad Ibnu Mukram Ibn Mandhur Al-Afriqi Al-Misri. 1997. *Lisan Al-Arab Jilid 1-5*. Bairut. Dar Al-Fikr.
- Jum'ah Amin Abdul Aziz. 2008. *Fiqih Dakwah, Studi Atas Berbagai Prinsip Dan Kaidah Yang Harus Dijadikan Acuan Dalam Dakwah Islamiyah. Pajang Solo. Era Intermedia*.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Karim Al-Bustany t.Thn. *Al-MunjidFiAl-Lughah WaAl-A'lam*. Bairut. Paar Al-Musriq.
- Mohd Azam Mahat. 2009. *Guru Pendidik, Pengajar, Atau Pendakwah*. Shah Alam. Karisma Publications SDN BHD.
- Muhammad Abu Fath Al-Bayanun. 2008. *Fiqih Dakwah. Panduan Sukses Dan Nasihat Para Dai*. Surakarta. Indiva Pustaka.
- Muhammad Natsir. 2008. *FiqhudDa'wah*. Jakarta. Yayasan Capita Selecta Dan Media Da'wah.
- Muhammad Sayyid Thanthawi. 2001. *Cara Berdebat Dengan Orang Munafik (Sebuah Tafsir Tematik, Sebuah Upaya Untuk Menguak Bahasa Debat Ahli Kitab, Khususnya Yahudi dan Orang Munafik Sekaligus Cara Mematikan Argumentasi Mereka)*. Jakarta. Penerbitan Azan.
- Munzier Suparta dan Harjani Hefni. 2003. *Metode Dakwah*. Jakarta. Perdana Media.
- Mustafa Ar-Rafie yang telah diterjemahkan oleh Abd. Wahab Latif, Badlihisam Mohd Nasir dan Mashitah Ismail. 2004. *Dakwah Dan Keunggulan Para Daie*. Shah Alam. Karisma Publications SDN BHD.
- Nur Zakiah H ani Kamarolzaman & Masnora Hj Sepikun. T.T. *Keberkesanan Pengajaran Pesyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik Yang Bukan Berlatar Belakang Pendidikan Iktisas*.
- Siti Muriah. 2000. *Metodologi Dakwah Kontemporer*. Yogyakarta. Mitra Pustaka.
- Sudirman. 2008. *Metode Dakwah; Solusi Untuk Menghadapi Problematika Dakwah Masa Kini*. Pekan Baru, Riau, Indonesia. Universiti Islam Negeri Sultan syarif Kasim.
- Suhaimi Muhamad. 2007. *Tahap kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam*. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Syaikh Shafiyurrahman Al-Mubarakfuri. 2006. *Shahih Tafsir Ibnu Katsir Jilid 9 & 8*. Jakarta. Pustaka Ibnu Katsir.
- Syed Sajjad Husain dan Syed Ali Ashraf, 1986, *Crisis Muslim Education.*, Terj. Rahmani Astuti, *Krisis Pendidikan Islam*, Risalah.
- Taufik Al-Wa'iy. 2010. *Dakwah Ke Jalan Allah, Muatan, Sarana & Tujuan*. Jakarta Robbani Press.
- Wan Hussain Azmi. 1989. *Metodologi Dakwah Dalam dunia Moden*. Dakwah. Bulan Jun.

PENERAPAN METODE DAKWAH DI DALAM MELAKSANAKAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DI DALAM DAN LUAR BILIK DARJAH

Nor Amin Sayani Zainal
Mohd Ismail Mustari

Abstrak

Pendidikan merupakan satu perkara yang sangat penting dalam Islam. Jika pendidikan ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna, maka keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) akan menjadi tidak stabil. Ilmu dakwah merupakan salah satu indikator penting untuk mengukur tahap keterlibatan guru dalam menghayati Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Negara. Terdapat pelbagai pendekatan dan metode dalam melaksanakan proses dakwah yang boleh diimplementasikan oleh guru pendidikan Islam (GPI). Sehubungan itu, kertas kerja ini akan memperincikan tiga metode dakwah untuk diterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan juga merupakan salah satu dari metode dakwah untuk menyampaikan kefahaman tentang ajaran agama Islam. Jika semua guru pendidikan Islam mempunyai ilmu dan kefahaman cara menggunakan metode dakwah dengan betul, maka sudah pasti Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Negara dapat dicapai dengan baik. Kertas kerja ini akan mengemukakan beberapa pandangan tokoh sarjana Islam dan bagaimana pengaplikasian metode dakwah dalam pengajaran dan pembelajaran dengan lebih sistematik.

PENDAHULUAN

Pendidikan Islam merupakan satu perkara yang sangat penting di dalam Islam, jika pendidikan Islam tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna, maka keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) akan menjadi tidak stabil. Pada masa sekarang ini, pendidikan Islam menghadapi pelbagai cabaran yang perlu ditempuhinya untuk memastikan proses pendidikan JERI itu lebih berkesan.

Mohd. Azhar Abd. Hamid, Azmi Shah Suratman dan Muhamad Fauzi Othman 2001:46 telah menjelaskan bahawa dewasa ini, dunia dilakari oleh pelbagai trend dan paradigma kehidupan bentuk baru. Globalisasi yang ditandai arus gelombang zaman peringkat ketiga seperti mana menurut sarjana barat, telah memberi impak yang bukan sedikit dalam kehidupan moral sesebuah masyarakat. Pengaruh dan kesan yang dibawa oleh pelbagai isme menerusi medium teknologi komunikasi maklumat (ICT) telah memberi kesan sosial-moral yang amat parah. Hal ini tidak terkecuali dari pada meresapi jiwa dan jati diri masyarakat Melayu sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Statistik kerosakan sosial dan moral membuktikan fenomena ini. Sebut apa jua bentuk perlakuan tidak bermoral seperti pembunuhan, sumbang muhrim, pelacuran, gangsterisme, alko-holisme, perjudian, ketagihan dadah sehinggalah isu vandalisme dan 'black metal' setiap satu daripadanya melibatkan orang Melayu. Justeru itu, masyarakat Melayu (jika berdasarkan statistik perlakuan tidak bermoral dan jenayah) sebenarnya berada pada peringkat yang amat genting dan kronik. Hal ini merisaukan banyak pihak termasuklah wewenang dan institusi keluarga itu sendiri. Kecelaruhan pendidikan moral dalam institusi keluarga ditandai oleh pendekatan

pseudo dan permisif. Hal ini menjadikan institusi keluarga semakin lemah dan tidak bermoral. Sebelum terlambat, pendidikan moral dalam institusi keluarga Melayu mestilah disuntik dengan dos pendekatan yang lebih ampuh dan kukuh berasaskan metodologi Islam.

Berdasarkan pendapat di atas, penulis menganggap metode dakwah sangat sesuai untuk diimplementasikan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pendidikan Islam. Hal ini juga telah terbukti sejak zaman Rasulullah saw, baginda telah berjaya membentuk peribadi yang mulia dikalangan para sahabatnya. Perlunya di sini satu subjek asas diwujudkan dalam program latihan guru bagi menerapkan metode dakwah di dalam siri-siri latihan perguruan kepada setiap bakal guru agar mereka dapat menggunakan ilmu tersebut di dalam P&P mereka.

DEFINISI PENDIDIKAN ISLAM

Bahagian ini, penulis memberikan beberapa definisi Pendidikan Islam untuk dikongsikan kepada semua agar kita lebih memahami maksud sebenar pendidikan Islam. Perbincangan ini akan lebih terancang dan lebih terarah kepada maksud yang ditetapkan oleh penulis.

Ibn Mandhur 1997:204/14; Al-Bustani 1956:229, pendidikan dalam Islam dari segi bahasa Arab terdiri daripada beberapa perkataan utama, iaitu *tarbiyyah*, *tarbib*, *ta'dib*, *tadris*, *ta'lim*, *tazkiyah* dan *riyadah*. Perkataan *tarbiyyah* adalah asal daripada bahasa Arab, iaitu *raba yardu riba rabw* yang membawa makna bertambah, baik dan naik. Daripada perkataan ini diterbitkan pula perkataan *rabba*, *yurabbi*, *tarbiyyatan* yang bermaksud mengasuh dan mendidik.

Syed Sajjad Husain dan Syed Ali Ashraf 1986:2 mengatakan pendidikan Islam adalah suatu pendidikan yang melatih perasaan murid-murid dengan sedemikian rupa sehingga dalam sikap hidup, tindakan, keputusan, dan pendekatan mereka terhadap segala jenis pengetahuan dipengaruhi oleh nilai spritual dan sangat jelas akan nilai yang terdapat di dalam agama Islam.

Syahrul Riza 2008:22-23 mendefinisikan pendidikan Islam mempunyai prinsip yang lebih unggul iaitu menghubungkan prinsip-prinsip mengenal Tuhan, alam semesta dan diri *insan* secara serentak tanpa terpisah antara satu sama lain. Sebagaimana yang terkandung dalam ayat Al-Qur'an yang pertama diturunkan, bahawasanya ia tidaklah dimulai dengan perintah yang berhubung dengan perkara lain seperti ibadah khusus dan lain-lain, akan tetapi dimulakan dengan perintah yang berhubung kait dengan suruhan menuntut ilmu.

Dapat dirumuskan bahawa pendidikan Islam itu adalah satu proses mengajar untuk mendedahkan tentang *rububiyah* Allah SWT, agar umat Islam tidak melakukan perkara-perkara yang mensyirikkan Allah, tidak melanggar larangan Allah dan melakukan setiap perkara yang disuruh oleh Allah dengan penuh keikhlasan dan pengabdian diri kepada Allah.

DEFINISI DAKWAH

Syaikh Akram Kassab 2010:1 menyebut kata *da'a* memiliki banyak makna. *Nadahu* bererti *thalabahu* (memintanya). *Da'ahu List-Sya'i* bererti *hatstsahu 'alaihi* (menganjurkannya). *Da'a ilallah* bererti *da'a ila 'ibadatihi* (mengajak untuk beribadah kepada-Nya).

Taufik Al-Wa'iy 2010:18, dakwah itu megandungi makna: *An-Nasyr* (menyebarkan), *Al-Balagh* (menyampaikan), *Al-Iqna'* (menyedarkan) dan *Ad-Di'ayah* (propaganda) yang semua ini telah menjadi ilmu tersendiri, sejajar dengan ilmu-ilmu lainnya. Semua ini memiliki pembahasan, karakteristik dan sasaran tersendiri bersama dengan ilmu-ilmu Islam lainnya. Dakwah bahkan telah menjadi ilmu Islam yang paling penting dalam menjaga akidah umat, eksistensinya hari ini dan masa depannya nanti, melindunginya dari mazhab-mazhab batil yang menyerang umat Islam, embusan angin beracun dari musuh-musuh Islam siang dan malam, ghawul fikri (perang pemikiran), penjajahan intelektual yang mawadah sekarang ini di tengah masyarakat muslim.

Menurut Jum'ah Amin Abdul Aziz 2008: 24, apabila kita katakan "*Dakwah Islamiah*", maka yang kita maksudkan adalah "Risalah terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Sebagai wahyu dari Allah dalam bentuk kitab yang tidak ada kebatilan di dalamnya, baik di

depan atau di belakangnya, dengan kalamNya yang bernilai mukjizat dan yang ditulis di dalam mushaf yang diriwayatkan dari Nabi s.a.w. dengan sanad yang mutawatir, yang membacanya bernilai ibadah.”

Pendapat Aep Kusnawan 2004:7, kegiatan berdakwah sudah ada sejak adanya tugas dan fungsi yang perlu diberatkan oleh manusia dibelantara kehidupan dunia ini. Hal itu dilakukan dalam rangka penyelamatan seluruh alam, termasuk di dalamnya manusia itu sendiri. Namun kegiatan dakwah seringkali difahami, baik oleh masyarakat awam atau pun sebahagian masyarakat terdidik, sebagai sebuah kegiatan yang sangat praktis, sama dengan *tahligh* (ceramah), iaitu suatu kegiatan penyampaian ajaran Islam secara lisan yang dilakukan oleh para khatib di atas mimbar. Kegiatan dakwah itu dilakukan terbatas hanya di majlis-majlis taklim, masjid-masjid dan mimbar-mimbar keagamaan. Meski hal itu tidak sepenuhnya keliru, namun sangat penting untuk diluruskan.

Ali Abdul Halim Mahmud (2002: 7) menyatakan bahawa dakwah *ilallah* adalah dakwah yang bersumber dari Allah SWT yang disampaikan kepada kita melalui para nabi dan rasulNya, serta ditutup dengan kehadiran Nabi Muhammad SAW. Bila dikatakan '*dakwah ilallah*', berarti kita berdakwah agar manusia beriman kepada Allah, risalah yang dibawa para nabi dan rasul, taat pada apa-apa yang diperintahkan, berhenti total dari semua yang dilarang dan membenarkan seluruh perkataan utusan Allah tersebut. Erti berdakwah adalah mengajak kepada *din* Islam, penutup seluruh Kalamullah, serta agama yang paling sempurna dan *syamil* (komprehensif). Islam adalah agama yang telah Allah jamin penjagaannya, sedangkan agama-agama selain Islam diserahkan kepada para pemeluknya. Oleh kerana itu, hanya Islamlah yang akan tegak tanpa perubahan dan cacat. Segala definisi dakwah yang telah diberikan di atas, maka dapat membuat rumusan seperti:

- (1) Dakwah adalah satu usaha mengajak manusia beriman dan taat akan segala perintah dan larangan Allah.
- (2) Dakwah ialah usaha untuk menyelamatkan manusia dari melakukan segala kesalahan yang bertentangan dengan syariat Islam. Usaha ini juga dilakukan melalui usaha tabligh melalui ceramah atau segala program yang dijalankan di masjid-masjid.
- (3) Dakwah adalah kesinambungan usaha dakwah Rasulullah s.a.w. untuk menyampaikan segala wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada sekalian umat seperti telah tercatat di dalam al-Quran.
- (4) Dakwah merupakan sebahagian ilmu Islam yang paling penting. Dakwah juga adalah usaha menyebar, menyampaikan, menyedarkan dan mempunyai kaedah yang tersendiri untuk melindungi umat Islam dari terjebak dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam. Ini bertujuan untuk memelihara keharmonian akidah umat Islam agar umat Islam menjadi seorang muslim yang sejati.

METODE DAKWAH

Syaikh Akram Kassab 2010:3 mendefinisikan perkataan *manhaj* dan *dakwah* dapat dikatakan bahawa *manhaj* dakwah oleh sesiapa sahaja adalah aturan dakwah yang diikuti dan rancangan ilmiah yang berisi kaedah-kaedah dan dasar-dasar tertentu agar seseorang dapat menyampaikan ajaran Islam, mengerjakannya dan mempraktikkannya.

Menurut Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:6, dari segi bahasa metode berasal dari dua perkataan iaitu "*meta*" (melalui) dan "*hodos*" (jalan, cara). Dengan demikian kita dapat ertikan bahawa metode adalah cara atau jalan yang harus dilalui untuk mencapai suatu tujuan. Sumber yang lain menyebutkan bahawa metode berasal dari bahasa Jerman *methodica* ertinya ajaran tentang metode. Dalam bahasa Yunani metode berasal dari kata *methodos* ertinya jalan yang dalam bahasa Arab disebut *thariq*. Apabila kita ertikan secara bebas metode adalah cara yang telah diatur dan melalui proses pemikiran untuk mencapai suatu maksud.

Abdul Aziz Mohd Zin 2001:1 mengatakan bahawa terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Arab yang sangat dekat pengertiannya dengan metode. Perkataan-perkataan itu ialah *uslub*, *manhaj* dan juga *wasilah*. Dalam bahasa Arab, *uslub* bererti jalan atau cara. Ia adalah cara membentuk atau cara menggunakan sesuatu atau cara-cara tertentu untuk melakukan sesuatu pekerjaan.

Siti Muriah 2000:36 pula berpendapat masalah yang didakwahkan dalam Al-Islam adalah masalah yang teramat agung dan mulia. Islam tidak memerintahkan pengikutnya dengan perkara-perkara kehidupan remeh, namun Islam mewajibkan pemeluknya untuk mengabdikan seluruh hidupnya kepada Allah SWT seperti firmanNya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 208:

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; Sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata. "

Ghazali Darusalam (1996:27), seorang yang hendak berdakwah mestilah mengetahui cara, teknik atau metode (uslub) berdakwah. Tanpanya masyarakat yang menjadi sasaran dakwah akan menolak dan menerima secara negatif.

Rumusan yang dapat diambil, metode dakwah adalah satu kaedah atau cara untuk mengajak manusia mendekati diri dengan mentauhidkan Allah secara benar dan sempurna. Dalam erti kata yang lain, metode dakwah ini merupakan satu ilmu yang mengajar pendakwah tentang cara untuk menyampaikan dakwah secara tepat dan sesuai pada setiap keadaan dan masa yang ditempuhi. Ini juga secara tidak langsung mengajar pendakwah mengetahui bagaimana keadaan subjeknya atau mad'unya. Setelah itu, pendakwah dapat merancang cara atau teknik yang berkesan untuk mempengaruhi mad'unya apabila ia menyampaikan dakwah.

Secara umumnya, metode dakwah yang diguna pakai sejak zaman Rasulullah hingga sekarang ialah berdasarkan kepada firman Allah SWT di dalam surah An-Nahl ayat 125:

Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. "

Kitab al-Quran dan Tafsirnya jilid 5 (1995:501) menjelaskan dalam ayat ini Allah SWT memberikan pedoman-pedoman kepada RasulNya tentang cara mengajak manusia (dakwah) ke jalan Allah. Yang dimaksudkan jalan Allah di sini ialah agama Allah iaitu syariat Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw.

Rumusan yang dapat diambil oleh penulis ialah terdapat tiga asas metode dakwah yang perlu diketahui dan dipelajari oleh para pendakwah, seperti:

- (1) Bil Hikmah
- (2) Mau'izatul Hasanah
- (3) Al-Muj adalah

Di bawah ini penulis akan menjelaskan setiap asas metode dakwah secara lebih terperinci lagi dengan mengambil beberapa pandangan atau pendapat tokoh ilmu dakwah. Dengan cara ini, kita akan lebih mendalami dan memahami setiap asas tersebut secara lebih kongkrit lagi.


Bil Hikmah

Munzier Suparta dan Harjani Hefhi 2003:10 mendefinisikan kata Al-Hikmah diertikan sebagai *Al-Adi* (keadilan), *Al-Haq* (kebenaran) *Al-Hilm* (ketabahan), *Al-ilm* (pengetahuan), terakhir *An-Nubuwwah* (kenabian). Di samping itu, Al-Hikmah bermaksud sebagai penempatan sesuatu pada tempatnya. Selain dari itu, Al-Hikmah juga ialah pengetahuan yang dikembangkan dengan tepat sehingga menjadi sempurna. Menurut pendapat ini, Al-Hikmah termenifestasikan ke dalam empat hal seperti kecekapan menguruskannya, kecermatan, kejernihan fikiran dan ketajaman fikiran.

Muhd Yusry Affandy Yusuff 2006:12 pula menjelaskan bahawa Syeikh At-Tusi Rahima- hullah pernah menyebut perkataan hikmah ialah menyeru kepada madamat untuk membuat khibrat bagi menerima pahala dari pihak pendakwah dan yang didakwah.

Abdul Aziz Mohd Zin 2001:8 menyebut satu perkara yang sangat sukar untuk menentukan makna hikmah ialah secara teorinya. Secara mudah, hikmah bererti bijaksana. Bijaksana bererti sesuatu yang sesuai. Manakala sesuai pula bergantung kepada keadaan. Sesuatu tindakan boleh menjadi sesuai bagi seseorang, tetapi tidak sesuai bagi orang lain. Ia menjadi sesuai bagi satu masa, tetapi tidak sesuai dengan masa lain. Dengan itu, tindakan itu hikmah bagi seseorang atau bagi masa tertentu, tetapi tidak hikmah bagi orang lain atau masa yang lain. Maka, hikmah berkait rapat dengan keadaan untuk menentukan ia bersesuaian.

Dapat difahami bahawa perkataan hikmah ini ialah melaksanakan dakwah dengan cara yang lebih baik agar mesej dakwah yang dijalankan akan lebih tertib dan relevan kepada mad'unya. Selain dari itu, melaksanakan dakwah ini bergantung kepada kebijaksanaan pendakwah untuk merangka atau merancang sesuatu kaedah bagi menghadapi mad'unya, ini supaya segala mesej dakwah yang disampaikan dapat diterima oleh masyarakat sekelilingnya. Jenis-jenis dakwah bil-hikmah mengikut pendapat Munzier Suparta dan Harjani Hefhi (2003) telah membahagikan dakwah bil-hikmah kepada:



Di sini ada lapan jenis dakwah bil-hikmah yang boleh diaplikasikan oleh pendakwah bagi menyampaikan pesan-pesan agama kepada orang yang didakwahnya. Apabila cara dakwah bil-hikmah ini dapat digunakan oleh pendakwah dengan baik dan betul, maka ia dapat memudahkan pendakwah untuk melakukan gerak kerja menyeru manusia ke jalan Allah. Segala rintangan atau permasalahan yang berlaku dapat dihadapinya dengan tenang dan penuh berhikmah.

Mengenal Golongan Sasaran

Muhammad Bin Sa'ad Bin Syaqr 2011:67 menyebut di antara adab-adab memberi nasihat adalah dengan mengetahui keadaan masyarakat, memperhatikan jabatan dan kedudukan mereka. Iaitu seorang da'i harus memiliki pengetahuan yang meyakinkan tentang keadaan mad'unya. Kerana informasi seperti ini memungkinkan dia untuk memberikan perlakuan sesuai dengan keadaan mad'unya. Dari segi kecekapan dan kedudukannya.

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:102 telah menyatakan bahawa salah satu makna hikmah dalam berdakwah adalah menempatkan manusia sesuai dengan kadar yang telah ditetapkan Allah. Ketika terjun ke sebuah komuniti atau melakukan hubungan dengan seseorang mad'u. Da'i yang baik harus mempelajari terlebih dahulu keadaan komuniti atau peribadi yang bersangkutan dengan mad'unya.

Bila Masa Berbicara & Masa Diam

Munzier Suparta dan Harjani Hefni (2003:111) menggunakan pribahasa "Diam itu emas dan berkata itu perak" mungkin lebih mengena pada pembicaraan kita kali ini, tanpa menelusuri darimana asal-usul pribahasa tersebut, yang jelas makna dan arah yang dituju sejalan dengan tuntutan agama. Sekian banyak pertunjuk agama yang mendorong agar seseorang selalu menimbang-nimbang segala apa yang akan diucapkannya, kerana ini peringatan Allah dalam al- Quran:

Maksudnya: *"Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisiNya malaikat Pengawas Yang sentiasa sedia (menerima dan menuliskannya)."*

(Surah al-Qaaf: 18)

Di dalam Sahih Tafsir Ibnu Katsir Jilid 8 (2006:507-508) telah mentafsirkan ayat di atas ini, seperti tidak ada suatu kalimat pun yang dikatakan oleh manusia melainkan ada malaikat yang selalu mengawasi dan mencatatnya. Tidak ada satu kalimat pun yang tertinggal dan tidak ada satu gerakan pun yang tidak dicatat oleh malaikat.

Al-Quran dan Tafsirnya Jilid 9 1995:463 pula telah membahaskan ayat tersebut seperti Allah menerangkan bahawa tugas yang dibebankan kepada kedua malaikat itu ialah bahawa tiada suatu ucapan pun yang diucapkan seseorang tanpa ada di sampingnya seorang malaikat yang mengawasi dan selalu hadir untuk mencatat amalan-amalannya yang berpahala dan amalan- amalan yang menyebabkan diterimanya azab Allah. Hasan Basri dalam mentafsirkan ayat ini berkata: "wahai anak-anak Adam, telah disiapkan untuk kamu sebuah daftar dan telah ditugaskan dua malaikat untuk mencatat segala amalanmu, yang satu disebelah kananmu ialah yang mencatat kebaikan-kebaikanmu dan yang satu lagi di kirimu mencatat kejahatan-kejahatanmu. Oleh kerana itu terserah kepadamu, apakah kamu mahu memperkecil atau membesar amal dan perbuatan amal jahatmu, kamu diberi kebebasan dan bertanggungjawab terhadapnya dan nanti setelah mati, daftar itu ditutup dan digantungkan pada lehermu, masuk bersama-sama engkau ke dalam kubur sampai kamu dibangkitkan pada hari kiamat nanti.

Muhammad Natsir 2008:184, Rasulullah s.a.w. mengundang ahli-ahli keluarga baginda yang terdekat untuk makan bersama-sama di rumah beliau. Yang hadir ada kira-kira 40 orang, di antaranya ialah bapa saudara baginda, Abu Lahab. Setelah selesai makan, Rasulullah s.a.w. bersiap-siap hendak menyampaikan risalahnya. Akan tetapi Abu Lahab lantas memotong jalannya. Dia bangun lebih

dahulu, lalu berkata dengan suara lantang dan penuh nafsu.

Kata beliau lagi Rasulullah s.a.w. tidak menjawab apa-apa. Orang yang meradang tidak ketentuan seperti itu tidak perlu dijawab. Beliau diam, dan diam itulah jawabannya. Itulah jawapan yang tepat terhadap cara-cara seperti itu dalam suasana yang demikian. Dipersilakannya para tetamu makan.

Mencari Persamaan Di Dalam Dakwah

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:139 menerangkan maksud mencari titik persamaan dalam konteks metodologi dakwah adalah usaha dalam mencari titik tolak di mana dakwah menemui jalan masuk untuk diteruskan secara sistematis terhadap mad'u yang menjadi sasaran dakwah. Hal ini dapat diibaratkan seperti pintu gerbang dari sebuah rumah besar yang dengannya kita mampu memasuki rumah. Memasuki pintu gerbang bererti titik awal untuk dapat masuk ke rumah tersebut.

Manhaj ini juga telah dibuktikan oleh dakwah Wali Songo yang menggunakan kaedah menyesuaikan dakwah Islam dengan budaya masyarakat tanah Jawa ketika itu. Abdul Aziz Mohd Zin 2001:77-78, tidak semua Wali Songo bersetuju bahawa Islam itu perlu disesuaikan dengan keadaan setempat tanpa dihapuskan kepercayaan dan ikutan lama secara tuntas. Namun, itulah usaha yang dilakukan oleh sesetengah Wali Songo, terutamanya Sunan Kalijaga.

Beliau menjelaskan upacara persembahan dan pemujaan yang diwarisi daripada fahaman animisme dan Hindu-Buddha tidak terus dihapuskan, akan tetapi telah diubahsuai. Maka adat-adat persembahan dan jamuan kepada roh-roh diubah kepada kenduri tahlil yang dimakan bersama. Adat membakar kemenyan dan bacaan mantera kepada roh-roh selepas mati diubah kepada upacara tahlil dan doa, dengan nada yang panjang dan sedih.

Toleransi Tanpa Kehilangan Sibghah

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:144 memberikan maksud toleransi di dalam bahasa Arab dikatakan *ikhthimal, tasamuh* menurut arti bahasa adalah sama-sama berlaku baik, lemah lembut, saling memaafkan (toleransi). Tasamuh dalam pengertian umum adalah suatu sikap akhlak terpuji dalam pergaulan di mana rasa saling menghargai antara sesama manusia dalam batas-batas yang telah digariskan Islam.

Toleransi perlu ada pada pekerjaan dakwah, kerana dakwah merupakan pekerjaan untuk mengajak manusia mengenali Allah dengan penuh keikhlasan tanpa mengharapkan apa-apa kepentingan selain dari Allah. Berdakwah bukan untuk mencari kemenangan hujah, menidakkan pandangan orang lain, menghina atau mengherdik kesalahan yang telah dilakukan oleh orang yang hendak didakwahnya. Ini juga merupakan sebahagian dari dakwah bil-hikmah yang perlu diketahui oleh setiap pendakwah.

Abdul Kareem Zaidan 1997:114, Juru dakwah tidak boleh memandang remeh atau menganggap hina seseorang, kerana haknya hanya menyeru dan mengajak. Namun kadang-kadang juru dakwah terpengaruh dengan dorongan emosinya sehingga menyebabkannya merasa dirinya lebih banyak berkhidmat terhadap Islam dan meremehkan orang lain.

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:154, sibghah bererti warna celupan dan agama. Dalam hal ini, agama Islam sebagai dasar dan tuntunan hidup, fungsi warna dan celupan tersebut mencemerlangkan barang yang diberi celupan tersebut. Apabila dikaitkan ajaran itu kepada jiwa ia akan bersinar memancar yang dalam realisasinya tampil dalam bentuk semangat, taat, peduli dan toleransi.

Rumusannya, GPI perlu mempunyai sikap bertoleransi terhadap pelajarannya. Ini bertujuan untuk menarik minat mereka terhadap P&P yang dilaksanakan oleh guru tersebut. Segala teguran guru dapat diterima oleh mereka dengan positif dan mereka sentiasa menghormati guru mereka walaupun di luar waktu persekolahan.

Memilih Kata yang Tepat

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:157 mengatakan bahawa terlihat hubungan yang erat antara

hikmah dengan memilih kata yang tepat. Salah satu sifat orang yang bijaksana (orang yang memiliki hikmah) adalah berfikir terlebih dahulu sebelum berkata. Kata-kata yang keluar dari mulut seorang hakim adalah dipertimbangkan dahulu, sehingga benar dan sesuai dengan keadaan *human oriented*.

Selain dari itu, Abdul Aziz Mohd Zin 2006:101 menyatakan pemilihan isi dakwah yang sesuai akan memberikan maklum balas yang baik daripada sasaran. Manakala, pemilihan isi dakwah yang tidak tepat akan mencetuskan pelbagai kontroversi dalam usaha dakwah yang dilakukan.

Mustafa Ar-Rafie yang telah diterjemahkan oleh Abd. Wahab Latif, Badlihisam Mohd Nasir dan Mashitah Ismail 2004:11, para da'i mestilah mengetahui ilmu-ilmu semasa selaras dengan perkembangan dalam masyarakat. Kadangkala berlakunya kegagalan dalam dakwah, justeru pendakwah tidak menjiwai peranannya dan menghalusi permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Kebijaksanaan pendakwah menguasai masyarakat dalam erti kata memahami situasi yang ada dalam masyarakat menyebabkan pendakwah tidak akan berasa terasing dan terpinggir. Ilmu-ilmu semasa harus ditekankan oleh pendakwah kerana minat para mad'u cenderung untuk memperkatakan perkara yang dianggap panas atau benda yang baru, contohnya seperti teknologi maklumat. Jesteru itu, pendakwah harus mempelajarinya demi untuk mem- perkemaskan pelaksanaan dakwahnya.

Cara Berpisah

Setiap pertemuan itu ada pula perpisahannya. Sudah menjadi pasti para pendakwah akan melalui situasi seperti ini, kerana sebelum memulakan pertemuan pendakwah bersedia dengan berbagai bahan untuk disampaikan kepada mad'unya, tetapi apabila habis sahaja usaha dakwah, majlis tersebut habis begitu sahaja tanpa ada apa-apa penyudahan atau kesimpulan, saranan dan nasihat yang boleh menyebabkan mad'unya mengingat kembali apa yang telah disampaikan oleh pendakwah.

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:183 berkata bahawa sementara itu dalam dakwah materi atau topik hikmah merupakan salah satu esensi yang sangat berharga dalam medan kehidupan, berapa jauh seorang dapat menyelami pengertian hikmah, maka sejauh itu pula jiwa manusia akan membuka reaksi dan emosinya tergugah. Berapa banyak seorang da'i yang memiliki pemikiran yang jernih tetapi akhirnya terkandas secara sia-sia. Sehingga akhirnya ia tidak memiliki pemikiran untuk disampaikan kepada para pendengarnya. Dan ini merupakan suatu polemik di dalam dakwah Islam dalam konteks hikmah harus diakhiri dengan sesuatu yang dapat menyentuh. Kerana jangan sampai dakwah yang telah dibangun dengan susah payah akan kandas akibat akhir yang tidak menyenangkan.

Selain dari itu, dakwah yang disampaikan tidak membawa kesan apa-apa atau tidak menarik minat orang yang didakwahnya, maka lebih elok majlis tersebut ditutupkan dan memperbaiki segala kelemahan yang ada dan jalankan proses dakwah yang kedua dengan lebih bersedia lagi agar dakwah itu berkesan kepada pendengarnya. Firman Allah SWT di dalam surah al-Kafirun 1-6:

Maksudnya: "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Hai orang-orang kafir!, Aku tidak akan menyembah apa Yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) Yang Aku sembah. Dan Aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat seperti Aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku".

Di dalam Shahih Tafsir Ibnu Katsir jilid 9 2006:739, menjelaskan Rasulullah s.a.w. berlepas diri dari segala apa yang mereka perbuat. Kerana penyembahan itu harus mempunyai sesembahan yang ia sembah dan melakukan ibadah yang dia tempuh kepadanya. Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya menyembah Allah dengan apa yang Dia syariatkan. Dan itulah makna kalimat Islam, 'd) iaitu tiada sembah yang berhak diibadahi dengan benar kecuali Allah, dan tidak ada jalan yang harus ditempuh untuk sampai kepadaNya kecuali melalui ajaran yang dibawa Rasulullah saw.

Uswatun Hasanah

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:205 menegaskan bahawa dakwah dengan Uswatun Hasanah adalah dakwah dengan memberikan contoh yang baik melalui perbuatan nyata yang sesuai dengan

etika dakwah. Bahkan, Uswatun Hasanah adalah salah satu kunci sukses dakwah Rasulullah, salah satu bukti adalah bahawa pertama kali tiba di Madinah, yang dilakukan oleh Rasulullah adalah membangunkan masjid Quba, mempersatukan kaum Ansar dan Muhajirin dalam ikatan ukhwah Islamiah.

Dakwah Bi-Lisan Al-Hal

Karim Al-Bustany t.Thn:721 berkata dakwah berasal dari kata *da'a,yaduu, dakwatan* yang bermaksud memanggil, menyeru. Kata *lisan* bererti bahasa sedangkan kata *Al-Haal* pula bermaksud hal atau keadaan. *Lisan Al-Haal* mempunyai erti yang menunjukkan realiti sebenar.

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:227, dakwah *bi-Lisan Al-Haal* merupakan sebuah metode dakwah, iaitu metode dakwah dengan menggunakan kerja nyata. Sebagai sebuah metode, dakwah dengan lisan Al-Haal juga terikat pada prinsip-prinsip penggunaan metode seperti:

- (1) Hikmah
- (2) Mau'idzah Hasanah.
- (3) Mujadalah

Beliau menyatakan lagi bahawa dakwah *bi-Lisan Al-Haal* mempunyai beberapa faktor yang mempengaruhinya seperti:


- (1) Tujuan dengan pelbagai jenis dan fungsinya.
- (2) Sasaran dakwah (masyarakat atau individu dari pelbagai segi).
- (3) Situasi dan kondisi yang beraneka ragam.
- (4) Media atau fasiliti yang tersedia dengan pelbagai macam kualiti dan kuantiti.
- (5) Keperibadian dan kemampuan da'i.

1) Mauidzah Al-Hasanah

Hj. Abdul Majid bin Omar 2007:6-7, perkataan *mauizah al-hasanah* membawa maksud sebagai jalan untuk menyampaikan dakwah dan uslub berdakwah bertujuan untuk mendekati bukan menjauhkan, memudahkan bukan menyusahkan, mengasihi dan bukan menakutkan. Menurut Imam al-Ghazali, *mauizah al-hasanah* adalah beberapa pengajaran dan nasihat yang berdasarkan kepada apa yang terkandung dalam al-Quran dan aspek perkhabaran yang mengembirakan dan ancaman yang menakutkan kemudian disertai dengan kesabaran dan keikhlasan dalam nasihat yang diberikan.

Jenis-jenis dakwah *mauizah al-hasanah* mengikut pendapat Munzier Suparta dan Harjani Hefni (2003) telah membahagikan dakwah *mauizah al-hasanah* kepada:

r



Rajah 2 Dakwah Mauizah Al-Hasanah

J

Nasihah

Muhammad Abu Fath Al-Bayanun 2008:9 berkata dalam berdakwah mengajak manusia kepada akidah yang benar dan melarang mereka mengikuti akidah yang rosak, seorang aktiviti dakwah sebaiknya lebih banyak menggunakan metode memberi nasihat yang baik daripada metode berbantah, metode menyanyangi dan berbelas kasih daripada metode mengingkari dan mencela. Dia memilih metode yang disukai dan ucapan-ucapan yang beradab.

Tabsyir Wa Tandzir

Munzier Suparta dan Harjani Hefrii 2003:263 menyatakan tabsyir dalam istilah dakwah adalah penyampaian dakwah yang berisi kadar-kadar yang mengembirakan bagi orang-orang yang mengikuti dakwah. Terminologi tabsyir dalam konteks dakwah adalah informasi, berita yang baik dan indah sehingga boleh membuat orang gembira untuk menguatkan keimanan sekaligus sebagai sebuah harapan dan menjadi motivasi dalam beribadah serta beramal soleh.

Katanya lagi tandzir menurut istilah dakwah adalah penyampaian dakwah di mana isinya berupa peringatan terhadap manusia tentang adanya kehidupan akhirat dengan segala konsekuensinya. Menurut penulis, tandzir adalah ungkapan yang mengandung unsur peringatan kepada orang yang tidak beriman atau kepada orang yang melakukan perbuatan dosa atau hanya untuk tindakan preventif agar tidak terjerumus pada perbuatan dosa dengan bentuk ancaman berupa seksaan di hari kiamat.

Wasiat

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:293, What The Esence Of Wasiat? Inilah pertanyaan yang harus dijawab dalam membedah apa sebenarnya inti pokok wasiat dalam dakwah? Perlu diingat kembali berawal dari definisi wasiat pada huraian sebelumnya, bentuk-bentuk wasiat dalam al-Quran, hadis dan dari ulama salaf dapat disimpulkan bahawa kata wasiat mempunyai terminologi yang universal. Wasiat adalah kata yang padat makna. Ini kerana wasiat adalah sarana untuk mencapai tujuan dakwah. Bila dikaitkan dengan kebenaran, wasiat adalah profil paling cemerlang untuk tegak menjaga kebenaran dan kebaikan. Bila dikaitkan dengan kesabaran, wasiat mampu mengerakkan potensi umat untuk semakin kuat dan tegar dalam kebenaran,

dalam mencapai tujuan kesatuan perjalanan solidariti umat dalam semangat pantang menyerah. Bila dikatakan dengan kasih sayang wasiat adalah upaya menyebarluaskan perasaan kasih sayang dan saling mencintai sesama umat sehingga bangunan umat solid. Maka esensi wasiat dalam dakwah adalah: Ucapan seseorang da'i berupa pesan penting dalam upaya mengarahkan (taujid) mad'u tentang sesuatu yang bermanfaat dan bermuatan kebaikan. Dan persoalan-persoalan yang disampaikan dalam wasiat berkaitan dengan sesuatu yang belum dan akan terjadi.

Kisah

Munzier Suparta dan Harjani Hefhi 2003:310, bercerita tentang kisah-kisah yang mengandung hikmah sangat efektif untuk menarik perhatian para mad'u yang dapat membuat imaginasi yang atas peristiwa-peristiwa masa lampau mahupun yang akan datang, bahkan hal ini adalah merupakan pola yang terbaik untuk dilakukan para da'i dan akan dengan mudah merasuk ke dalam jiwa para komunikan khusus pada anak-anak. Kerana dengan mendengar cerita seperti ini telah dicontohkan kepada Rasulullah s.a.w. sejak dahulu, di mana ketika beliau berdakwah, beliau seringkali bercerita tentang kisah kaum-kaum terdahulu agar dapat diambil hikmah dari pelajarannya.

Al-Mujadalah

Sudirman 2008:4 menjelaskan bahawa metode mujadalah dengan sebaik-baiknya menurut Imam Ghazali dalam kitabnya Ikhya Ulumuddin menegaskan agar orang-orang yang melakukan tukar fikiran itu tidak beranggapan bahawa yang satu sebagai lawan bagi yang lainnya, tetapi mereka harus menganggap bahawa para peserta mujadalah atau diskusi itu sebagai kawan yang saling tolong-menolong dalam mencapai kebenaran. Demikianlah antara lain pendapat sebahagian Mufasssirin tentang tiga prinsip metode tersebut. Selain metode tersebut Nabi Muhammad s.a.w.

yy y

bersabda:

**** u n ^ j L a a M n i K a u n ^ ^ j L a b d j u t i j j i u l a o o**
 ' . . * ' . * y ^
 j U j ^ t A a - J a l L i l i j

Maknanya: “Siapa di antara kamu melihat kemungkarannya,, ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu, ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu, ubahlah dengan hatinya, dan yang terakhir inilah selemah-lemah iman.”

(Riwayat Muslim)

Jenis-jenis dakwah *Al-Mujadalah* mengikut pendapat Munzier Suparta dan Harjani Hefhi (2003) telah membahagikan dakwah *Al-Mujadalah* kepada:



Rajah 3 Dakwah Al-Mujadalah

Al-Hiwar

Muhammad Sayyid Thanthawi 2001:18 mengkhabarkan bahawa syariat Islam bersumber dari dasar-dasar yang mulia, bermuatan moralitas tinggi dan sarat dengan petunjuk luhur yang mengatur perselisihan, dialog dan perdebatan yang terjadi di antara manusia. Syariat Islam berputar pada siklus logika yang benar, pemikiran yang lurus, perdebatan yang lebih baik dan berorientasi pada pencapaian kebenaran demi kebaikan dan kemaslahatan umat, dalam koridor yang diperbolehkan Allah S.W.T. Berikut ini beberapa landasan dan etika berdialog menurut Islam. Diantara etika yang dimaksudkan ialah:

- (1) Kejujuran
- (2) Tematik dan Objektif
- (3) Argumentatif dan logis
- (4) Bertujuan Untuk Mencapai Kebenaran
- (5) Tawadhu
- (6) Memberi kesempatan kepada pihak lawan

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:339, berikut langkah-langkah atau cara dalam berdialog:

- (1) Mempersiapkan Materi
- (2) Mendengar pihak lawan dengan arif, bijak dan seksama
- (3) Menggunakan ilustrasi/kiasan/gambaran
- (4) Mematahkan pendapat/alasan dengan serang balik
- (5) Apologetik dan elentika
- (6) Jangan Marah

As-Ilah Wa Ajwibah

Munzier Suparta dan Harjani Hefni 2003:343, pembahasan tentang metode *As-Ilah Wa Ajwibah* ini menjadi begitu sangat penting sekali untuk diketahui dan dipelajari, terutama bagi para da'i, ketika berhadapan dengan mad'u yang berbeza latar belakang agama, pendidikan, budaya dan sebagainya. Untuk menghadapi mad'u yang bermacam ragam dan berbeza-beza ini, diperlukan persiapan da'i baik persiapan isi mahupun persiapan mental sehingga ketika dia dihadapkan dengan pertanyaan-pertanyaan yang diajukan mad'unya, dia bersiap untuk menjawab.

METODE PENDIDIKAN ISLAM

Di dalam bahagian ini telah dimuatkan beberapa metode pendidikan Islam sebagai rujukan semua.

Komunikasi Jelas dan Mudah

Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri 2007:44, metodologi lain yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ialah penggunaan kata-kata yang jelas dan mudah maksudnya. Metodologi ini penting kerana kata-kata yang jelas dan mudah memudahkan kefahaman kepada semua golongan masyarakat. Tujuan Baginda s.a.w. adalah untuk membangunkan semua golongan manusia mengikut pendidikan pembangunan Insan yang dikehendakinya. Oleh itu, dengan cara memilih jalan yang memudahkan mereka mengikutinya akan menambahkan keberkesanan pengajaran Baginda. Ini berasaskan kenyataan bahawa setiap manusia mempunyai beberapa perbezaan tingkat akal dan kemampuan fizikalnya. Justeru, segala bentuk pendidikan, pengajaran, bimbingan, nasihat dan sebagainya hendaklah disampaikan dengan kata-kata yang mudah.

Ahmad Yunus Kasim 2010:20 mengatakan pendidikan Islam yang berkesan turut memerlukan proses pengajaran secara sistematik, tertib dan beransur-ansur mengikut tahap kemampuan,

kefahaman dan pencapaian akal fikiran murid. Oleh itu, guru perlu memiliki pengetahuan kandungan dan pedagogikal secukupnya untuk menghasilkan pengajaran yang cemerlang dan berkesan. Mengolah dan menterjemah dalam bentuk yang mudah difahami oleh murid dalam proses pengajaran. Menggunakan bahan rujukan yang sesuai mengikut tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan murid dan mempunyai pengetahuan yang bersesuaian dengan topik yang akan diajar dan mempunyai cara terbaik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan tersebut.

Galakan dan Ancaman

Al-Bustani 1956:251, penggunaan galakan dan ancaman atau dalam bahasa Arab sebagai *targhib* dan *tarhib* merupakan salah satu metode penyampaian yang paling baik dan berkesan dalam pendidikan. Metodologi ini digunakan dengan meluas dalam hadis Nabi. Perkataan *targhib* berasal dari bahasa Arab diambil daripada kata kerja *raghaba* yang bermaksud menjadikannya suka atau hendak atau memberikan sesuatu apa yang dia sukai.

Wan Hussain Azmi 1989:33, metodologi *targhib* sudah memadai untuk manusia secara umumnya. Walau bagaimanapun, untuk manusia yang banyak beralih dan berdegil hanya metodologi *targhib* sahaja yang dapat memberi kesan kepada mereka. Penggunaan metodologi ini menyebabkan mereka akan rasa tidak selamat daripada azab Allah SWT jika tetap berdegil dan banyak beralih.

Suruhan dan Tegahan

Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri 2007:47, metodologi penggunaan yang berbentuk suruhan melakukan sesuatu seperti hadis yang berbunyi “*Buatlah begini dan begitu*” menjadi keutamaan kepada Rasulullah s.a.w. berbanding yang berbentuk tegahan daripada melakukan sesuatu seperti “*Jangan buat begini dan begitu*”. Pada amnya sikap manusia lebih suka diberikan tunjuk ajar terhadap sesuatu perkara berbanding menyalahkan apa yang mereka lakukan dalam perkara tersebut.

Syarah

Kamarul Azmi Dan Ab. Halim Tamuri 2007:49 menyatakan bahawa teknik syarahan atau khutbah merupakan teknik utama yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam penyampaian ajarannya. Bahkan penggunaan khutbah ini diwajibkan dalam ajaran Islam untuk setiap solat Jumaat agar nasihat dan ajaran yang disampaikan oleh Baginda s.a.w. dapat disambung pula oleh umatnya sehingga ke hari kiamat. Ini menunjukkan bahawa teknik khutbah ini merupakan teknik penting dalam menyampaikan ajaran Islam.

Belajar Sambil Bermain

Akmariah Mamat Dan Sofiah Ismail 2010:327, permainan adalah suatu aktiviti yang boleh merangsang minat murid untuk belajar. Permainan berbentuk pertandingan atau perlawanan bersama dengan peraturan tertentu akan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam suasana yang seronok.

Penyelesaian Masalah

Mohd Azam Mahat 2009:139, kaedah ini merupakan suatu kaedah yang memerlukan murid agar menggunakan kemahiran mereka berfikir bagi mencari jalan penyelesaian. Melalui kaedah ini murid akan dilatih berfikir secara kreatif dan kritis. Melalui kaedah ini juga ia mampu mematangkan kemahiran individu murid bagi menyelesaikan masalah bukan sahaja terhadap pelajaran tetapi boleh diaplikasikan di dalam kehidupan seharian. Bagi melaksanakan kaedah ini, murid akan diajar menyelesaikan masalah dari langkah demi langkah iaitu:

- (1) Mengenal pasti masalah
- (2) Memahami masalah
- (3) Menentukan cara-cara penyelesaian
- (4) Mencuba cara-cara penyelesaian baru

(5) Merumus dan menilai penyelesaian

Peribadi Mulia

Suhaimi Muhamad 2007:35, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, keperibadian mulia yang ada pada guru itu sendiri memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk nilai-nilai yang baik dalam diri pelajar. Bagi mencapai madamat ini, para pendidik Islam digesa mencontohi keperibadian Rasulullah s.a.w. sebagai “*role model*” dalam semua aspek kehidupan. Sehubungan dengan ini guru perlu mempelajari dan melengkapkan diri dengan amalan dan penghayatan Islam yang sejati, agar barakah sebagai seorang guru dirasai dan dimanfaatkan oleh pelajar.

Motivasi Diri

Ab. Halim Tamuri Dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary 2010:52 menyatakan proses pengajaran dan pembelajaran, motivasi dianggap sebagai satu unsur yang penting untuk membolehkan murid-murid melibatkan diri secara aktif, di samping menjadikan proses pembelajaran berlangsung dalam keadaan yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Oleh itu, perubahan belajar adalah perbuatan yang memerlukan semangat dan kesungguhan, maka pembimbing perlu sentiasa menjelaskan manfaat dan kegunaan belajar yang sedang mereka lakukan. Motivasi ialah elemen penting yang perlu dimiliki dan digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Motivasi merupakan aspek mengajar yang penting. Guru perlu menimbulkan motivasi kepada murid untuk belajar kerana keinginan untuk belajar bukanlah suatu kemestian yang ada pada semua manusia. Malah Al-Ghazali yang membahagikan tingkah laku manusia kepada dua tingkat, menjelaskan tingkah laku manusia dikuasai oleh motivasi-motivasi dan faktor-faktor kegopohan di tingkat pertama tingkah laku dan di tingkat kedua dikuasai oleh kemahuan dan akal.

Gaya Pembelajaran Visual

Azizi Yahaya Dan Syazwani Abdul Razak t.th.:13 mengharapkan guru dapat memainkan peranan bagi menarik minat pelajar mempelajari gaya pembelajaran ini kerana kajian mendapati gaya pembelajaran visual adalah gaya pembelajaran yang paling kurang diminati pelajar. Guru harus perbanyakkan pengajaran yang menggunakan peralatan berbentuk visual bagi meningkatkan minat pelajar mempelajari gaya pembelajaran ini.

Katanya lagi, pihak sekolah juga harus menyediakan kelengkapan-kelengkapan dan peralatan berbentuk visual di setiap bilik darjah bagi memudahkan proses pengajaran guru. Dengan adanya kelengkapan tersebut. Diharapkan pelajar dapat meningkatkan minat dalam gaya pembelajaran ini.

KOMBINASI ANTARA METODE DAKWAH & METODE PENDIDIKAN ISLAM

Dalam tajuk ini pula, metode dakwah akan dikombinasikan dengan metode pendidikan Islam. Ini bertujuan untuk mengemaskan lagi proses P&P pendidikan Islam dari aspek dakwah agar setiap pelajar mendapat didikan dari guru bukan sekadar di dalam bilik darjah, tetapi ia juga mendapat pendidikan di luar bilik darjah.

Dalam Bilik Darjah *Mengenal Golongan*

Sasaran

Sebelum melaksanakan proses P&P oleh GPI terhadap semua pelajarannya. Perkara permulaan yang perlu dilakukan oleh GPI adalah mengenali dahulu setiap pelajarannya. Ini bertujuan untuk memudahkan GPI merancang strategi P&P dengan terperinci agar segala bahan yang disampaikan dapat menarik minat pelajarannya.

Bagi GPI yang tidak mempunyai persediaan yang cukup, sama ada mengetahui latar belakang pelajarannya atau penyediaan bahan P&P yang baik. Mereka akan mengalami masalah dalam proses

P&P mereka, bahan yang disampaikan kurang menarik, tahap penyampaian tidak seimbang dengan konitif pelajar dan alat bantu mengajar (ABM) juga menjadi tidak menarik. Peristiwa ini akan menyebabkan proses P&P yang dijalankan oleh GPI menjadi boring dan tidak bermakna buat murid.

Nur Zakiah Hani Kamarolzaman & Masnora Hj Sepikun t.Thn:6, bagi menjamin pembelajaran yang maksimum, setiap guru hendaklah membuat perancangan pengajaran yang teliti. Guru yang berpengalaman mahupun yang tidak berpengalaman tetap perlu membuat perancangan pengajaran. Perancangan yang berkesan akan menjamin pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Selain itu, masalah disiplin di dalam bilik darjah dapat dikurangkan. Bagi menyediakan suatu perancangan pengajaran yang baik dan berguna, guru harus terlebih dahulu menyedari kepentingan perancangan pengajaran terhadap pengajarannya. Di samping itu, dia seharusnya dapat mentafsirkan silibus, terutama subjek yang disampaikan dan juga kurikulum yang ada. Selain itu, guru juga dikehendaki menentukan suatu format perancangan pengajaran yang sesuai untuk digunakan semasa menyediakan rancangan kerjanya. Hasil daripada perancangan pengajaran yang baik, sesi pengajaran yang berkesan juga seharusnya dapat dicapai oleh guru tersebut.

Setelah guru mengenali dan mengklasifikasikan pelajar-pelajarnya yang baik dan lemah. GPI perlu merancang sesuatu perkara agar pelajar-pelajarnya yang lemah dapat dimotivasikan supaya mereka bersedia untuk belajar. GPI juga boleh menggunakan komunikasi yang mudah dan jelas supaya setiap pelajar memahami setiap maksud yang disampaikan oleh GPI.

Bila Masa Berbicara dan Masa Diam

Sebagai guru yang baik, setiap nasihat dan segala pertuturan yang dikeluarkan mestilah dengan ikhlas dan terhindar dari pengaruh hawa nafsu. Kerana pertuturan yang melibatkan hawa nafsu ini tidak akan menyelesaikan masalah dan ia akan membuatkan para pelajar hilang keyakinan kepada guru tersebut. Gunakanlah kaedah ini dengan sebaik yang mungkin agar hubungan guru dengan pelajar sentiasa aman dan saling memerlukan diantara satu sama lain.

GPI menyampaikan ilmu apa yang ia ketahui sahaja dan perkara-perkara yang belum pasti kesahihannya tidak akan disampaikan oleh guru kerana cerita tersebut diragui dan akan menjadi fitnah. Setiap persoalan yang dibangkitkan oleh pelajar, harus dijawab dengan apa yang diketahui sahaja dan apa yang tidak diketahui ditangguhkan dahulu. Pada masa akan datang GPI memberikan jawapan setelah disemak dari sumber-sumber yang benar.

Toleransi Tanpa Kehilangan Sibghah

Sangat rugi bagi GPI yang tidak tahu menghargai pelajarannya dan boleh menyebabkan pelajarannya hilang rasa hormat kepadanya. Segala ilmu yang disampaikan tidak dapat memberi kesan yang positif terhadap muridnya. Alangkah baik jika ajakan atau pesanan yang disampaikan oleh GPI itu dengan cara yang baik dan lemah lembut. Langkah seperti ini akan menimbulkan suasana yang aman bagi kedua-dua belah pihak dan proses P&P itu akan terus berlangsung dengan suasana yang baik dan saling menghargai diantara satu sama lain.

Setiap GPI jangan mudah menghukum para pelajar yang melakukan kesalahan, alangkah baiknya jika pelajar tersebut dimotivasikan, memberi ancaman seperti dosa, pahala, neraka dan syurga. Secara tidak langsung guru tersebut telah bertoleransi dengan pelajar tersebut agar perbuatan tersebut tidak berulang lagi dan dalam masa yang sama guru telah menyampaikan beberapa perkara yang berguna sebagai bekalan pelajar tersebut.

Memilih Kata Yang Tepat

Untuk memastikan P&P yang disampaikan berkesan, maka para GPI hendaklah menggunakan kaedah pedagogi yang tepat bersesuaian dengan keadaan para muridnya. GPI tidak perlu mengambil masa yang lama untuk menegur para muridnya. Sebaiknya kesalahan yang dilakukan itu terus ditegur dengan menggunakan kata-kata yang baik dan berhikmah. Banyak ilmu pengetahuan yang perlu diketahui oleh GPI agar ia mudah untuk menghadapi gelagat setiap pelajarannya.

(1) Cara Berpisah

Para GPI perlu mestilah memulakan kelas dengan memberikan salam, memastikan bilik darjah dalam keadaan baik dan bersih, set induksi yang boleh menarik minat pelajar terhadap topik yang dibincangkan. Sebelum penutup GPI membuka sesi soal jawab, supaya pelajar berpeluang untuk bertanya apa yang mereka kurang faham akan subjek yang disampaikan oleh GPI. Jika tidak ada persoalan yang berkaitan dengan subjek, boleh juga pelajar bertanya tentang masalah atau hukum-hukum semasa yang berlaku di lapangan sekarang ini.

Lazimnya, penutup akan dilakukan dengan cara GPI menyimpulkan tajuk yang dibincangkan di dalam kelas dengan menggunakan kaedah syarahan. Menurut Kamarul Azmi Dan Ab. Halim Tamuri 2007:49, teknik khutbah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. digabungkan dengan teknik dialog dan perbincangan selain mengayakan teknik ini dengan penerapan nilai baik kepada para sahabat.

Uswatun Hasanah

Contoh ikutan paling dekat bagi para pelajar adalah guru-guru mereka, sebaiknya setiap GPI mesti mempunyai contoh tauladan yang baik seperti mempunyai akhlak mahmudah, tutur bahasa yang tidak menyakitkan, pemudah cara atau sebagainya agar tindak tanduk mereka dapat dijadikan model ikutan pelajar mereka.

Hal ini telah dibuktikan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya dalam menyampaikan dakwah kepada umat manusia ketika itu. Azizee Hasan 2011:50 menegaskan para sahabat telah memberikan gambaran terbaik tentang hakikat *Ad-Deen* dalam bentuk yang terang dan mulia di kalangan manusia. Mereka tegar menghadapi ujian dan cubaan, meninggalkan jalan *rukhsah* (pilih jalan *azimah*) yang mungkin menjadi sebab fitnah kepada golongan yang tidak beriman.

Dakwah Bil Lisan Al-Haal

Satu metode yang meliputi ketiga-tiga asas umum metode dakwah *Al-Hikmah*, *Mauizatah al- Hasanah* dan *Al-Mujadalah*. Kaedah ini merangkumi semua metode dakwah yang telah disenaraikan di atas. Jadi sebagai seorang guru, jadikan tindakan lebih banyak dari berkata-kata, setiap tingkah laku atau pekerjaan yang dilakukan sesuai pada masa dan tempatnya. Kadang-kadang dengan perkataan boleh menimbulkan salah faham dan sakit hati bagi orang yang mendengarnya. Dengan pekerjaan atau perbuatan kita tidak ada sesiapa yang teguris dan ia lebih mudah untuk mendekati seseorang ke jalan yang benar.

Dalam metode ini juga, guru boleh menggunakan kaedah P&P seperti belajar sambil bermain di dalam bilik darjah untuk meningkatkan lagi minat pelajar terhadap P&P yang dijalankan oleh guru.

Kesimpulan yang dapat diambil dari segala metode yang disampaikan di atas ini, GPI boleh juga mengabungkan segala metode dakwah yang terdapat di dalam mauizah al-Hasanah dan Al- Mujadalah di dalam setiap metode yang telah dinyatakan di atas. Apa-apa pun bergantung kepada kebijaksanaan GPI dalam mengaplikasikan kesemua metode dakwah di dalam P&P mereka.

Luar Bilik Darjah

Secara umum, semua metode dakwah yang telah dibahaskan di dalam tajuk di dalam bilik darjah boleh juga digunakan diluar bilik darjah, kerana ia tidak menjadi halangan bagi GPI. Keutamaan di dalam pendidikan Islam ialah untuk meningkatkan kesepaduan antara JERI.

Mencari Persamaan Dalam Dakwah

Metode ini sesuai diterapkan di dalam P&P pendidikan Islam, setiap GPI perlu mencari titik persamaan dan mendekati lagi para pelajar dan diri mereka. Pekerjaan yang boleh dilakukan oleh GPI ialah seperti bermain bola sepak bersama-sama pelajar, guru membantu pelajar membersihkan bilik darjah, berbual tajuk-tajuk yang sering dibicarakan oleh pelajar atau menganggap pelajar itu seperti anak atau adik mereka.

Pelajar akan rasa lebih mudah dan tidak kekok untuk berkongsi masalah dengan guru GPI. Secara

tidak langsung GPI mudah untuk menyampaikan segala pesanan yang berguna, memantau pelajar dan memberi nasihat, berkongsi masalah atau sebagainya.

Nasihat

GPI mestilah menjadi pemudah cara bagi setiap pelajar, segala masalah yang mereka hadapi boleh dikongsikan kepada GPI tanpa segan silu. Berbagai nasihat yang berguna diberikan oleh GPI agar pelajar tersebut termotivasi untuk memilih jalan yang sesuai dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka.

‘Aidh Abdullah Al-Qarni. 2007:127 berpendapat bahawa seorang penasihat umat mestilah sentiasa menunjukkan rasa belas kasih kepada umatnya. Dan ia harus mengetahui bagaimana keadaan mereka. Lalu memberi mereka nasihat, dengan penuh rasa cinta dan sayang.

Di sini juga GPI boleh menggunakan metode P&P seperti galakan dan ancaman, suruhan dan tegahan agar pelajar tersebut dapat mengetahui perkara yang salah dan perkara yang benar.

Metode wasiat dapat digunakan oleh GPI pada bila-bila masa, ia tidak semestinya digunakan di dalam bilik darjah, tetapi sesuai juga digunakan di luar bilik darjah. Wasiat yang dimaksudkan di sini ialah seperti:

- (1) Jadi pelajar yang baik
- (2) Hormati kedua ibu bapa
- (3) Hormati guru-guru
- (4) Hormati orang yang lebih dewasa.
- (5) Belajar bersungguh-sungguh
- (6) Jangan tinggalkan solat
- (7) Dan lain-lain.

Metode *Tabsyir Wa Tadzir* juga boleh digunakan di dalam memberikan nasihat kepada para pelajar dengan menceritakan khabar-khabar gembira kepada manusia yang mengamalkan segala suruhan Allah dan khabar yang buruk bagi orang yang melanggar larangan Allah. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah ayat 257:

Maksudnya: ‘Allah Pelindung (yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman, ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman), dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur), mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. ’

Setiap pelajar akan lebih faham apa yang disampaikan oleh guru mereka semasa menjalankan P&P diluar bilik darjah. Metode ini juga sangat sesuai di dalam bilik darjah dan boleh digandingkan dengan metode kisah di dalam huraian P&P. Ia akan lebih berkesan dan kemas, jika dibandingkan kisah-kisah yang telah dimuatkan di dalam al-Quran dan hadis dengan isu-isu yang berlaku pada zaman sekarang.

Al-Hiwar

Untuk memudahkan pelajar memahami apa yang disampaikan oleh guru di dalam P&P yang dilaksanakan diluar atau di dalam bilik darjah, maka metode *Al-Hiwar* ini diperlukan untuk para pelajar berdiskusi dengan guru segala apa yang mereka tidak faham. Setiap perkara yang tidak difahami oleh mereka dapat diatasi dengan adanya metode *Al-Hiwar*.

Metode *As-Ilah Wa Ajwibah* sangat diperlukan di dalam metode *Al-Hiwar* ini, kerana di dalam dialog mesti adanya soal jawab diantara GPI dan pelajar. Jika dialog ini yang menyampaikan input di sebelah pihak sahaja, maka objektif yang sebenar di dalam berdialog itu tidak kesampaian.

KESIMPULAN

Semoga metode dakwah yang dicadangkan ini dapat memberikan kelebihan di dalam proses P&P

pendidikan Islam Negara ini. GPI bukan sekadar guru sahaja tetapi di dalam masa yang sama dia juga bergelar sebagai seorang pendakwah yang mengajar para pelajarnya mengenali Allah, mempunyai akhlak Al-Karimah dan menjadi umat wasatan yang tidak hanya mementingkan perkara-perkara keduniaan semata-mata, tetapi di dalam masa yang sama mereka mengejar kehidupan yang bahagia dan kekal abadi dengan memperolehi redho Allah dalam semua bidang kerja yang dilakukan. Falsafah pendidikan Islam Negara yang telah digariskan akan tercapai dengan menyatukan aspek JERI. Ia tidak cukup di waktu persekolahan sahaja, malah ia perlu diterapkan pada bila-bila masa dan pada mana-mana tempat supaya setiap pelajar akan sentiasa ingat segala pesan-pesan yang disampaikan oleh guru mereka.

DAFTAR PUSTAKA

- _____. 1995. *al-Quran & Tafsirnya*. Yogyakarta. Universiti Islam Indonesia.
- 'Aidh Abdullah Al-Qarni. 2007. *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur. Jasmin Enterprise.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Aziz Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Mohd Zin. 2006. *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Abdul Kareem Zaidan. 1997. *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*. Shah Alam. Dewan Pustaka Fajar.
- Aep Kusnawan. 2004. *Ilmu Dakwah Kajian Berbagai Aspek*. Bandung. Pustaka Bani Quraisy.
- Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri. 2010. *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Akmariah Mamat Dan Sofiah Ismail. 2010. *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi Di Malaysia*. Bandung Indonesia. UPI & UPSI.
- Al-Bustani, Fuad Afram. 1956. *MunjidAl-Tullab*. Bairut. Dar Al-Masriq.
- Ali Abdul Halim Mahmud. 2002. *Jalan Dakwah Muslimah*. Solo, Indonesia. Era Intermedia.
- Azizee Hasan. 2011. *Untuk Sang Daie, Kaedah Berdakwah Di Jalan Allah*. Kuala Lumpur. Pustaka Salam SDN BHD.
- Azizi Yahaya Dan Syazwani Abdul Razak. t.Thn. *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dan Kaedah Pengajaran Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hj. Abdul Majid bin Omar. 2007. *Pengenalan Dakwah*. Selangor. Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Ibn Mandhur, Al-Allamah Abi Al-Fadl Jamal Al-Din Ibn Muhammad Ibnu Mukram Ibn Mandhur Al-Afriqi Al-Misri. 1997. *Lisan Al-Arab Jilid 1-5*. Bairut. Dar Al-Fikr.
- Jum'ah Amin Abdul Aziz. 2008. *Fiqh Dakwah, Studi Atas Berbagai Prinsip Dan Kaidah Yang Harus Dijadikan Acuan Dalam Dakwah Islamiah*. Pajang Solo. Era Intermedia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Karim Al-Bustany t.Thn. *Al-MunjidFiAl-Lughah WaAl-A'lam*. Bairut. Paar Al-Musriq.
- Mohd Azam Mahat. 2009. *Guru Pendidik, Pengajar, Atau Pendakwah*. Shah Alam. Karisma Publications SDN BHD.
- Muhammad Abu Fath Al-Bayanun. 2008. *Fiqh Dakwah. Panduan Sukses Dan Nasihat Para Dai*. Surakarta. Indiva Pustaka.
- Muhammad Natsir. 2008. *FiqhudDa'wah*. Jakarta. Yayasan Capita Selecta Dan Media Da'wah.
- Muhammad Sayyid Thanthawi. 2001. *Cara Berdebat Dengan Orang Munafik (Sebuah Tafsir Tematik, Sebuah Upaya Untuk Menguak Bahasa Debat Ahli Kitab, Khususnya Yahudi dan Orang Munafik Sekaligus Cara Mematikan Argumentasi Mereka)*. Jakarta. Penerbitan Azan.
- Munzier Suparta dan Harjani Hefni. 2003. *Metode Dakwah*. Jakarta. Perdana Media.
- Mustafa Ar-Rafie yang telah diterjemahkan oleh Abd. Wahab Latif, Badlihisam Mohd Nasir dan Mashitah Ismail. 2004. *Dakwah Dan Keunggulan Para Daie*. Shah Alam. Karisma Publications SDN BHD.
- Nur Zakiah H ani Kamarolzaman & Masnora Hj Sepikun. T.T. *Keberkesanan Pengajaran Pensyarah Jabatan*

Kejuruteraan Elektrik Yang Bukan Berlatar Belakang Pendidikan Ikhtisas.

- Siti Muriah. 2000. *Metodologi Dakwah Kontemporer*. Yogyakarta. Mitra Pustaka.
- Sudirman. 2008. *Metode Dakwah; Solusi Untuk Menghadapi Problematika Dakwah Masa Kini*. Pekanbaru, Riau, Indonesia. Universiti Islam Negeri Sultan syarif Kasim.
- Suhaimi Muhamad. 2007. Tahap kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Syaikh Shafiyurrahman Al-Mubarakfuri. 2006. *Shahih Tafsir Ibnu Katsir Jilid 9 & 8*. Jakarta. Pustaka Ibnu Katsir.
- Syed Sajjad Husain dan Syed Ali Ashraf, 1986, *Crisis Muslim Education.*, Terj. Rahmani Astuti, *Krisis Pendidikan Islam*, Risalah.
- Taufik Al-Wa'iy. 2010. *Dakwah Ke Jalan Allah, Muatan, Sarana & Tujuan*. Jakarta Robbani Press.
- Wan Hussain Azmi. 1989. *Metodologi Dakwah Dalam dunia Moden*. Dakwah. Bulan Jun.